



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU  
JABATAN KEJURUTERAAN DAN INFRASTRUKTUR AWAM

**KENYATAAN TAWARAN**

1. Tawaran adalah di pelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam Gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL	BUTIR – BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH, MASA TAKLIMAT & TEMPAT LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN
1	CADANGAN MENAIKTARAF JALAN AKSES DI DALAM KAWASAN TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SUNGAI IKAN, TEPOH, KUALA NERUS  (MBKT SH 109/2019)	GRED G2 Kategori CE  Pengkhususan CE01 & CE 21	3 NOVEMBER 2019 (AHAD) 10.00 PAGI  PENDAFTARAN & TAKLIMAT  PUSAT PELUPUSAN SISA PEPEJAL, SUNGAI IKAN, TEPOH, KUALA NERUS (DIWAJIBKAN)	RM20.00

2. Naskah sebut harga dan makluman lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di **Bilik Tawaran Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu.**
3. **Taklimat dan lawatan Tapak adalah diwajibkan dan hanya kontraktor atau penama – penama dalam sijil Pusat Khidmat Kontraktor yang menghadiri sesi taklimat tapak sahaja akan dibenarkan untuk mendaftar semasa taklimat tapak dan membeli dokumen Sebut Harga.**
3. Naskah Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor atau penama yang sah dengan membawa **Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Sijil Kontraktor bertaraf Bumiputra** yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor dan Perakuan Pendaftaran Asal yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia beserta **satu (1) Salinan fotostat bagi setiap Salinan** sewaktu membeli Dokumen Sebut Harga.
4. Naskah sebut harga akan dijual mulai hari **ISNIN, 4 NOVEMBER 2019** hingga hari **ISNIN, 11 NOVEMBER 2019** yang boleh dibuat secara Tunai/Deraf Bank/Wang Pos/Kiriman Wang Pos yang dibuat atas nama **“DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU”**.
5. **Sebut Harga akan ditutup pada hari SELASA, 12 NOVEMBER 2019.** Naskah Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah **dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan “Tajuk” dan “No. Sebut Harga”** berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran sebut harga di Bahagian Kontrak dan Pelaburan, Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu **pada atau sebelum jam 12:00 tengah hari pada hari pada hari tersebut.**
6. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana- mana tawaran.
7. Kontraktor yang Berjaya tetapi enggan menjalankan kerja – kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sah laku sebut harga tamat akan diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perpezaan.

(HAJI SHAHIDAN BIN EMBOK)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.